

20 FEB 1996

Aidilfitri (rangkuman)

PUPUK MUHIBAH SEMASA SAMBUTAN BULAN SYAWAL DAN TAHUN TIKUS

KUALA LUMPUR, 20 Feb (Bernama) -- Sambutan Hari Raya Aidil Fitri yang disambut oleh umat Islam hari ini menambahkan lagi kemeriahan suasana perayaan yang bermula semalam apabila masyarakat Cina merayakan Tahun Baru mereka.

Perayaan serentak yang disambut oleh dua masyarakat terbesar negara juga menonjolkan semangat muhibah dan perpaduan kaum masyarakat Malaysia apabila mereka saling mengucapkan selamat dan kunjung mengunjungi.

Hari Raya juga disambut serentak di Indonesia dan Singapura dan ini menyemarakkan lagi suasana perayaan.

Takbir Aidil Fitri terus berkumandang sejak malam tadi dan seperti biasa, umat Islam menunaikan solat sunat Aidilfitri di sebelah pagi sebelum menziarahi tanah perkuburan dan mengunjungi sanak saudara serta rakan-rakan.

Ketupat, lemang dan redang di samping kuih muih menjadi juadah utama keluarga yang mengumpulkan semua anggota keluarga, termasuk anak, cucu dan menantu.

Keriangian jelas terbayang di wajah kanak-kanak yang mengenakan pakaian baru sambil mereka melutut di hadapan ibu bapa memohon ampun dan maaf atas kesilapan sepanjang tahun.

Di Masjid Negara di sini, Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah menunaikan sembahyang sunat Aidil Fitri.

Turut serta ialah Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, menteri-menteri dan timbalan menteri-menteri serta beribu-ribu umat Islam.

Perwakilan dari kedutaan- kedutaan luar negeri di sini, para pelajar asing yang belajar di pusat- pusat pengajian tinggi tempatan serta para pekerja asing turut menunaikan sembahyang Aidil Fitri di Masjid Negara.

Selepas sembahyang, baginda berdua bersalaman dengan para Muslimin and Muslimat.

Ibu negara kini lengang - tidak banyak kenderaan lalu lalang kerana sudah menjadi kelaziman bagi warga kota pulang ke kampung asal masing-masing untuk berhari raya bersama sanak saudara.

Yang tinggal hanyalah warga kota di samping rakyat Indonesia dan Bangladesh yang bekerja di negara ini, dan masyarakat Cina yang menyambut Tahun Baru Cina yang masuk hari kedua hari ini.

Di KOTA BAHARU, Sultan Kelantan hari ini berkenan menunai solat Aidilfitri di masjid negeri Masjid Muhammadi di sini bersama-sama ribuan umat Islam.

Turut mengiringi baginda Tengku Mahkota, Timbalan Menteri Besar Haji Abdul Halim Abdul Rahman, orang kenamaan dan pegawai-pegawai tinggi kerajaan negeri.

Baginda kemudian berkenan bersalaman dengan anggota jemaah dan mengadakan rumah terbuka di Istana Mahkota, Kubang Kerian.

Menteri Besar Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat menunaikan solat itu di Masjid Pulau Melaka dekat sini.

Di KUALA KANGSAR, Sultan Perak, Sultan Azlan Shah berangkat bersembahyang Hari Raya di Masjid Ubaidiah di sini bersama Menteri Besar Tan Sri Ramli Ngah Talib, setiausaha kerajaan negeri Datuk Habib Mansor, beserta exco-exco negeri, ketua-ketua jabatan dan rakyat jelata.

Selepas bersembahyang berjemaah, baginda beserta Raja Perempuan Perak Tuanku Bainun dan keluarganya berangkat menziarahi makam di Raja di Kuala

Kangsar.

Di KUALA PILAH, Pemangku Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan Tunku Naquiyuddin Tuanku Ja'afar dan Tunku Puan Muda Nurul Hayati hari ini berkenan menunaikan sembahyang sunat Aidil Fitri bersama lebih 2,000 rakyat jelata di Masjid Tuanku Munawir Seri Menanti, Kuala Pilah.

Baginda kemudiannya berangkat menziarahi makam diraja dan mengadakan majlis tahlil dan doa oleh Mufti Kerajaan Negeri Sembilan Datuk Haji Mohamad Murtaza Haji Ahmad.

Di PEKAN, Sultan Pahang berangkat menunaikan solat sunat Aidil Fitri di Masjid Sultan Abu Bakar di sini. Turut sama ialah Menteri Besar Tan Sri Khalil Yaakob dan Anggota-anggota Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

Di KANGAR, Raja dan Raja Perempuan Perlis berangkat menunaikan sembahyang sunat Aidil Fitri di Masjid Negeri Arau bersama lebih 1,000 umat Islam.

Baginda berdua berkenan menerima menghadap para pembesar dan rakyat jelata pada majlis "rumah terbuka" di Istana Arau dekat sini mulai pukul 9.30 pagi.

Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Jamaluddin Ahmad Damanhuri adalah antara ribuan yang menghadiri majlis.

Di KUALA TERENGGANU, Sultan Terengganu berangkat menunaikan sembahyang sunat Hari Raya Aidil Fitri bersama kira-kira 2,000 umat Islam di Masjid Abidin di sini.

Menteri Besar, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad dan kerabat diraja juga turut bersembahyang di situ.

Baginda, selepas menunaikan sembahyang itu berangkat menziarahi makam diraja di perkarangan masjid dan ke istana terbuka di Istana Maziah.

Di KUCHING, Yang Dipertua Negeri Sarawak Tun Haji Ahmad Zaidi Adruce Mohammed Noor bersolat sunat Hari Raya bersama lebih 2,000 umat Islam di masjid bahagian Kuching pagi ini.

Turut menunaikan solat sunat Hari Raya ialah Menteri Pembangunan Perindustrian Sarawak Datuk Abang Johari Tun Abang Haji Openg.

Sementara itu, Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Taib Mahmud menunaikan solat sunat Aidil Fitri di Demak Jaya. Beliau dan menteri-menteri kabinet negeri dan menteri muda turut mengadakan rumah terbuka.

Yang menarik pada "rumah terbuka" ini ialah buat pertama kali dalam sejarah kerajaan negeri ianya diadakan di Stadium Perpaduan Negeri Sarawak untuk menyambut dua perayaan serentak, Hari Raya dan Tahun Baru Cina.

Di PULAU PINANG, Yang di-Pertua Negeri Tun Dr Hamdan Sheik Tahir menunaikan sembahyang sunat Hari Raya Aidil Fitri bersama-sama ribuan umat Islam di Masjid Negeri di sini.

Yang turut bersembahyang di masjid itu ialah Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Mohd Noor Abdul Rahim dan beberapa orang kenamaan lain,

Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Ibrahim Saad mengadakan rumah terbuka di kediamannya di Tanah Liat, Bukit Mertajam manakala Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim pula akan mengadakan rumah terbuka di Cheruk Tuk Kun esok.

Di KOTA KINABALU, Yang DiPertua Negeri Tan Sri Sakaran Dandai menyertai kira-kira 5,000 umat Islam menunaikan sembahyang sunat Aidilfitri di Masjid Negeri di sini.

Turut menunaikan solat ialah Ketua Menteri Datuk Salleh Said Keruak serta pemimpin-pemimpin negeri dan ketua-ketua jabatan kerajaan.

Timbalan Ketua Menteri yang juga Presiden Parti Maju Sabah (SAPP), Datuk Yong Teck Lee bersama para pemimpin parti itu mengadakan rumah terbuka di Kompleks Sukan Likas dekat sini dari pukul 10 pagi hingga 2 petang hari ini.

Di KEDAH, antara yang mengadakan rumah terbuka ialah Sultan dan

Sultanah Kedah di Istana Anak Bukit, Menteri Besar Kedah Tan Sri Haji Osman Aroff di Seri Mentaloon di sini, dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Paduka Ahmad Basri Mohamed Akil, di rumahnya di Jalan Sultanah.

Di JOHOR BAHRU, Sultan Johor, Sultan Iskandar berkenan menunaikan solat Aidilfitri di Masjid Sultan Abu Bakar di sini bersama Menteri Besar Haji Abdul Ghani Othman berserta exco-exco negeri, ketua-ketua jabatan dan rakyat jelata.

Di SHAH ALAM, Sultan Selangor Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah menunaikan sembahyang Aidil Fitri di masjid negeri di sini bersama-sama lebih 10,000 umat Islam. Turut serta Menteri Besar Selangor Tan Sri Muhammad Hj Muhammad Taib dan anggota exco kerajaan negeri. -- BERNAMA.

Di MELAKA, Yang Dipertua Negeri, Tun Syed Ahmad Shahbuddin bersolat Hari Raya bersama-sama lebih 7,000 umat Islam di masjid negeri Al-Azim, di sini yang diimamkan oleh Imam Besar Masjid itu, Haji Yusof Musa.

Yang turut hadir ialah Ketua Menteri, Datuk Haji Md Zin Abdul Ghani serta beberapa orang kenamaan negeri.

Selepas bersolat, Syed Ahmad dan Md Zin kelihatan bersalam-salaman dengan umat Islam sebelum beliau dan anggota exco serta pegawai-pegawai kerajaan mengunjungi rumah TYT sempena Hari Raya ini. -- Bernama